

**Nasional**

*Penularan COVID-19*

# 40 Orang Asli 'lari' masuk hutan

## 15 keluarga bimbang dijangkiti selepas seorang guru agama disyaki positif virus

**Johor Bahru:** Sekumpulan masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli Simpang Arang di Iskandar Puteri, didapati 'melarikan diri' dari kampung mereka sendiri sejak dua hari lalu, gara-gara khuatir dijangkiti COVID-19.

Kumpulan 15 keluarga itu bertindak demikian kerana bimbang dijangkiti COVID-19, selepas mendapat tahu mengenai seorang gu-

ru agama di kampung mereka disyaki positif virus berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelesaian Khas Dewan Undangan Negeri (JPKD) Kota Iskandar Pandak Ahmad berkata pihaknya mendapat tahu mengenai perkara itu kelmarin, dan sudah meninjau keadaan mereka di kawasan hutan berhampiran yang dijadikan penempatan mereka.

"Kita dapati kira-kira 40 orang

termasuk kanak-kanak dan bayi membabitkan 15 keluarga itu telah berpindah ke kawasan hutan bakau berhampiran kerana bimbang dijangkiti virus COVID-19.

"Kita beritahu mereka individu (guru agama) itu sudah menjalani saringan dan keputusannya disahkan negatif. Jadi, kita dalam usaha memujuk mereka supaya kembali ke kampung," katanya.

Pandak berkata, pihaknya bersama penghulu mukim dan Tok Batin sekali lagi membuat lawatan dan tinjauan ke kawasan berkenaan hari ini (semalam) dan mendapati kawasan hutan yang

**Faktor cuaca dan tempat tinggal yang mereka dirikan sekadar khemah sementara dan bangsal tinggal itu juga didapati tidak sesuai untuk diduduki.**

**Pandak Ahmad,**  
Pengerusi JPKD Kota Iskandar

menjadi tempat tinggal mereka tidak selamat terutama kepada kanak-kanak serta bayi.

"Selain itu, faktor cuaca dan tempat tinggal yang mereka dirikan sekadar khemah sementara dan bangsal tinggal itu juga didapati tidak sesuai dan selamat untuk diduduki," katanya.

Pandak berharap masyarakat Orang Asli yang terbabit akan segera berpindah semula ke kampung mereka.

Difahamkan, terdapat lebih 800 orang yang mendiami kira-kira 180 rumah di Kampung Orang Asli Simpang Arang. **BERNAMA**